



# **UTM Fundraising**

## **Dokumen Soalan Lazim (FAQ)**


Bahagian Inovasi Digital, Jabatan Perkhidmatan Digital (UTMDigital)  
September 2022 / Versi 1.0

© UTM 2022

Hak cipta terpelihara. Sebarang bahagian daripada dokumen ini adalah dilarang untuk disalin, diedarkan atau diserahkan dalam bentuk apa jua sama ada elektronik, mekanikal, fotokopi, merekod dan sebagainya atau disimpan di dalam pangkalan data atau sistem dalam bentuk apa jua tanpa keizinan daripada Universiti Teknologi Malaysia.


1. Q : Apakah pautan rasmi kepada portal UTM Fundraising?

A : Portal UTM Fundraising boleh dicapai terus melalui url <https://fundraising.utm.my> atau melalui portal MyUTM melalui url <https://my.utm.my>. UTM Fundraising juga boleh dicapai melalui aplikasi mudah alih UTMSmart.



2. Q : Apakah kaedah bayaran atau sumbangan yang terdapat di dalam portal UTM Fundraising?

A : Penyumbang boleh membuat sumbangan melalui kaedah bayaran FPX, Kad Kredit atau Kiple Pay.



3. Q : Bagaimanakah kaedah untuk saya log masuk ke dalam portal UTM Fundraising?

A : Sekiranya anda adalah staf atau pelajar UTM, anda boleh log masuk ke dalam portal UTM Fundraising menggunakan UTM ID.

4. Q : Saya adalah orang awam. Adakah saya dibenarkan membuat sumbangan melalui portal UTM Fundraising?  
A : Ya boleh. Terdapat beberapa kategori penyumbang iaitu staf UTM, pelajar UTM, alumni UTM, orang awam, syarikat, agensi atau “anonymous”.
5. Q : Berapakah amaun sumbangan yang boleh dibuat melalui portal UTM Fundraising?  
A : Amaun minimum ialah RM1.00. Had maksimum ialah mengikut had yang telah ditetapkan oleh penyedia bayaran yang dipilih oleh penyumbang.
6. Q : Adakah saya layak untuk menerima resit pengecualian cukai sekiranya membuat sumbangan melalui portal UTM Fundraising?  
A : Ya layak. Setiap penyumbang akan menerima emel mengandungi resit rasmi UTM dengan pernyataan pengecualian cukai.
7. Q : Adakah senarai kempen yang dipaparkan pada portal UTM Fundraising adalah sama seperti dipaparkan pada UTMSmart?  
A : Ya sama. Pengguna akan dapat melihat paparan kempen yang sama pada kedua-dua platform ini.
8. Q : Bagaimanakah kaedah sekiranya saya ingin mengajukan lain-lain soalan berkaitan UTM Fundraising?  
A : Sebarang soalan atau pertanyaan boleh diajukan terus ke emel [endowmen@utm.my](mailto:endowmen@utm.my)